



# **NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA**

## **IKMa/BIL.08/2024**

**(1)**

**PEROLEHAN MEMPERBAHARUI (RENEW) LESEN  
PERISIAN SPSS 29.0 "FOR WINDOWS" BAGI 35  
"NETWORK LICENSE" UNTUK KEGUNAAN INSTITUT  
KOPERASI MALAYSIA  
(IKMa)**

**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.08/2024**



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)  
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
(KUSKOP)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor  
Bumiputera  
yang berdaftar Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi menyertai sebut

NOMBOR SEBUT HARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH BUKA/TUTUP
IKMa/BIL.08/ 2024	<b>PEROLEHAN MEMPERBAHARUI (RENEW) LESEN PERISIAN SPSS 29.0 "FOR WINDOWS" BAGI 35 "NETWORK LICENSE" UNTUK KEGUNAAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)</b>	<b>BERDAFTAR DENGAN MOF:</b>  <b>210104</b> (ICT (INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi). Software/System Development/Customization and Maintenance including data entry, data processing.)  <b>KONTRAKTOR:</b> <b>BUMIPUTERA</b>	<b>BUKA SEBUT HARGA:</b> 29 MAC 2024 (JUMAAT)  <b>TUTUP SEBUT HARGA:</b> 8 APRIL 2024 (ISNIN)

## **NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.08/2024**

Borang sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang [www.ikma.edu.my](http://www.ikma.edu.my) mulai **29 MAC 2024 (JUMAAT)** dengan mengemukakan.

### **DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG SEBUT HARGA.**

1. Sijil Asal Pendaftaran Kod Bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masih tempoh sah laku - 210104.
2. Salinan Sijil Pendaftaran/Lesen Akuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih dalam tempoh sah.
3. Satu salinan Profail Syarikat berserta pengalaman syarikat perolehan tersebut dan SSM.
4. Mohon lampirkan Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk rujukan pihak kami. Jumlah yang ditawarkan adalah termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) jika ada. (Jika Pembida yang berjaya tetapi TIDAK menyatakan nilai Cukai dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, Pihak IKMa akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada Surat Setuju Terima (SST) atau tawaran asal sebutharga yang dikeluarkan. Segala tuntutan berkaitan cukai kerajaan selepas Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan adalah menjadi tanggungjawab petender).
5. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi surat akuan pembida seperti **(Lampiran F)** dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
6. Salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir yang **dicop sebagai pengesahan** oleh pihak bank sahaja.

**TARIKH TUTUP TAWARAN ADALAH PADA 8 APRIL 2024 (ISNIN)  
SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI**

**DOKUMEN SEBUTHARGA YANG LENGKAP PERLU DIMASUKKAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA, KAUNTER KEWANGAN BLOK A, TINGKAT 1, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI ENCIK MOHAMMAD AZIM BIN ABD AZIZ DI TALIAN 03-7964093.**

**(2)**

**LAMPIRAN Q**

**LAMPIRAN Q**  
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan  
nomor ini

No. Sebut Harga **IKMa/BIL.08/2024**

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....

No. Telefon:

.....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini (diisi oleh syarikat):

**BERDAFTAR MOF:210104**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

.....

.....

.....

No. telefon: **03-79649000**

Tarikh: **29 MAC 2024 (JUMAAT)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan.....

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki (diisi oleh syarikat)

.....  
1.3 Arah pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.08/2024**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12 tengah hari **8hb 4/2024 (ISNIN)**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan: ..... **SHAMSURI BIN SALLEH**.....

Tarikh: **29 MAC 2024 (JUMAAT)**

Nama Pegawai: **Pengarah Kewangan Dan Pembangunan**.....

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**.....

103, Jalan Tempier, 46700 Petaling Jaya,

..... Selangor Darul Ehsan,.....

Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-7957 0434

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan					Untuk diisi oleh Penyebut Harga
IKMa/BIL. 08/2024	<b>PEROLEHAN MEMPERBAHARUI (RENEW) LESEN PERISIAN SPSS 29.0 "FOR WINDOWS" BAGI 35 "NETWORK LICENSE" UNTUK KEGUNAAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)</b>  Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan ..... ..... (sila nyatakan tempoh)  *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.				JUMLAH

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....  
(Sila nyatakan tempoh)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut Harga: .....

Tarikh:.....

Nama dan K/P: .....

Alamat Syarikat: .....

## **Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

### **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

#### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

#### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

#### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

#### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

#### **5. PERSETUJUAAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

#### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**(3)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**  
**-LAMPIRAN F-**

## **SURAT AKUAN PEMBIDA**

### **PEROLEHAN MEMPERBAHARUI (RENEW) LESEN PERISIAN SPSS 29.0 "FOR WINDOWS" BAGI 35 "NETWORK LICENSE" UNTUK KEGUNAAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

**SEBUT HARGA: IKMa/BIL.08/2024**

Saya.....(Nama Wakil Syarikat) No. Kad  
Pengenalan.....mewakili.....  
(Nama Syarikat)nombor pendaftaran.....  
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau  
mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tata tertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini; atau

- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
- 3.3
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya dalam bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjnijikan atau menawarkan suapa untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Syarikat	:	.....

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.  
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**(4)**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN  
SEBUT HARGA**

**(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)**



**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

**SILA TANDAKAN BAGI  / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.**

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (MOF) /Perbendaharaan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan/Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan)		
3.	Sijil asal pendaftaran kod bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 210104		
4.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
5.	Salinan Pendaftaran Cukai Jualan Dan Perkhidmatan SST Dari Jabatan Pendaftar Yang Sah (Jika Ada)		
6.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
7.	Salinan Profail Syarikat		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
8.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)
<b>Tandatangan :</b>	<b>Tandatangan :</b>
<b>Nama :</b>	<b>Nama :</b>
<b>Jawatan :</b>	<b>Jawatan :</b>
<b>Tarikh :</b>	<b>Tarikh :</b>
	<b>Tandatangan :</b>
	<b>Nama :</b>
	<b>Jawatan :</b>
	<b>Tarikh :</b>

**(5)**

## **ARAHAN,SYARAT-SYARAT**



**PEROLEHAN MEMPERBAHARUI (RENEW) LESEN PERISIAN SPSS 29.0 “FOR  
WINDOWS” BAGI 35 “NETWORK LICENSE” UNTUK KEGUNAAN INSTITUT  
KOPERASI MALAYSIA**  
**(IKMa)**

**PERINGATAN :**

1. Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan dokumen sebutharga adalah lengkap pada semua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan, adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga untuk mendapatkan penjelasan daripada Pegawai yang menguruskan sebutharga, Unit Kewangan Dan Perolehan, IKMa.
3. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan sebutharga **mengikut format maklumbalas yang telah dilampirkan**.
4. Sila sertakan **Softcopy Lampiran A dan Lampiran B dalam bentuk CD/DVD dalam format Microsoft Word**. Kegagalan penyebutharga mematuhi **syarat-syarat yang ditetapkan boleh mengakibatkan tawaran sebutharga ditolak**.

## **BAHAGIAN I**

# **ARAHAN DAN SYARAT - SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA**

## **BAHAGIAN I**

### **ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA**

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA,  
103, JALAN TEMPLER,  
46700 PETALING JAYA,  
SELANGOR.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

#### **SEBUTHARGA**

**PEROLEHAN MEMPERBAHARUI (RENEW) LESEN PERISIAN SPSS 29.0 "FOR  
WINDOWS" BAGI 35 "NETWORK LICENSE" UNTUK KEGUNAAN INSTITUT  
KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

**Nombor Sebutharga : IKMa/BIL.08/2024**

## **1.0 ARAHAN AM**

- 1.1 Sebutharga adalah dipelawa dari pembekal-pembekal bagi membekal, menghantar, memasang, mengkonfigurasi dan menguji perisian antivirus (memperbaharui lesen) untuk kegunaan Institut Koperasi Malaysia
- 1.2 Pembekal yang mengemukakan sebutharga adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini dan kontrak. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebutharga yang tidak mengikut syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

## **2.0 BIDANG KERJA / SKOP PENYEBUTHARGA**

- 2.1 Membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah serta menyelenggara sehingga tamat tempoh jaminan perkakasan dan perisian seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen ini.
- 2.2 Menyediakan latihan kepada pegawai IKMa yang berkaitan tidak terhad dalam pengurusan dan penggunaan perkakasan dan perisian tetapi termasuk lain-lain perkara teknikal yang berkaitan.
- 2.4 Membekalkan kepakaran teknikal dalam melaksanakan kerja-kerja berkenaan perisian tersebut
- 2.5 Menyediakan jadual pelaksanaan atau perancangan yang lengkap bagi semua aktiviti yang berkaitan dan memastikan penjadualan dilaksanakan dengan berkesan.

- 2.6 Melaksanakan kerja-kerja instalasi dan konfigurasi untuk memastikan perisian berfungsi sepenuhnya.

### **3.0 KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUTHARGA**

- 3.1 Tawaran dipelawa kepada pembekal-pembekal berikut :-
- i. Berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah laku di bawah **kod 210104**.
  - ii. Berdaftar sebagai **Kontraktor Bumiputera** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah laku.
- 3.2 IKMa berhak untuk membatalkan perlantikan syarikat sekiranya perkhidmatan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/tawaran yang dipersetujui seperti di dalam dokumen sebutharga.

### **4.0 BORANG SEBUTHARGA**

- 4.1 Sebutharga hendaklah dikemukakan menggunakan format **Borang Sebutharga** seperti yang dibekalkan iaitu **LAMPIRAN A – JADUAL TEKNIKAL**. Manakala, **LAMPIRAN C** untuk **JADUAL HARGA**. Sebutharga yang tidak dikemukakan menggunakan format borang sebutharga yang berkenaan tidak akan diterima. Penyebutharga boleh mengemukakan borang atau dokumen tambahan untuk memberi penerangan-penerangan.
- 4.2 Penyebutharga perlu menandatangani **Borang Akuan Sebutharga** seperti yang dilampirkan pada **Lampiran Q** bagi mengesahkan tawaran sebutharga..

## **5.0 PENYERAHAN SEBUTHARGA.**

- 5.1 Dokumen sebutharga perlu dikemukakan seperti format maklumbalas yang dinyatakan serta memenuhi semua keperluannya.
- 5.2 Cadangan sebutharga hendaklah dikemukakan sebanyak satu (1) **naskah** iaitu satu (1) asal dan dalam satu (1) **Sampul yang sama**. Kegagalan membuat seperti yang diminta akan menyebabkan tawaran penyebutharga **tidak** akan dinilai.
- 5.4 Sebutharga hendaklah dialamatkan (dengan dimasukkan pada peti yang disediakan) kepada :-

**Ketua Pengarah,  
Institut Koperasi Malaysia,  
103, Jalan Templer,  
Petaling Jaya, Selangor.**

- 5.5 IKMa tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang - borang penyertaan sebutharga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui tangan.

## **6.0 KOS SEBUTHARGA**

- 6.1 Penyebutharga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebutharga. IKMa tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

## **7.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 7.1 Semua harga sebutharga mestilah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** bagi setiap item termasuk caj **SST** dan berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga (termasuk penghantaran, pemasangan dan lain-lain tugas).
- 7.2 **Harga yang disebutkan dalam sebutharga hendaklah sah laku di dalam tempoh tidak kurang dari 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.**

## **8.0 IKMa BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUTHARGA**

- 8.1 IKMa tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga yang diterima.
- 8.2 IKMa juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebutharga.
- 8.3 Keputusan IKMa adalah muktamad dan IKMa tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebutharga.

## **9.0 PERJANJIAN KONTRAK (JIKA BERKAITAN)**

- 9.1 Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki mengikat kontrak dengan IKMa bagi membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara dalam tempoh jaminan sistem rangkaian. Denda akan dikenakan dalam kontrak jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak supaya sistem rangkaian komputer dilaksanakan dengan baiknya. Berdasarkan perjanjian kontrak, penerimaan IKMa

disertai dengan pengesahan pembekal yang berjaya akan terikat dengan kontrak di antara IKMa dengan penyebutharga tanpa mengambilkira perjanjian kontrak disediakan/dilaksanakan atau tidak dilaksanakan.

Penyebutharga yang berjaya mesti menanggung sendiri risiko berkenaan kontrak mengikut syarat-syarat, spesifikasi dan jadual sebahagiannya mestilah menurut status, peraturan atau melalui undang-undang dan keperluan mana-mana kebenaran

## **10.0 BON PELAKSANAAN (JIKA BERKAITAN)**

- 10.1 Sebelum sesuatu kontrak bekalan yang melebihi nilai RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 disempurnakan, penyebutharga atau pembekal yang berjaya adalah dikehendaki memberi bon pelaksanaan 2.5 % dari jumlah harga kontrak. Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 jumlah bon pelaksanaan ialah 5 % daripada jumlah harga kontrak.
- 10.2 Bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bon pelaksanaan hendaklah sah laku selepas tarikh tamat tempoh kontrak dan pembekalan peralatan yang terakhir dengan syarat semua peralatan berkaitan berkeadaan baik dan memuaskan sehingga tamat tempoh waranti.
- 10.3 Penyebutharga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan IKMa dikehendaki membayar tuntutan gantirugi sekiranya didapati pihak penyebutharga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak (*break of contract*) dan disabitkan kesalahan.

## **11.0 PENERIMAAN SEBUTHARGA**

- 11.1 IKMa akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang Berjaya apabila sebutharganya disetujuterima. Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian sebutharga ini tidaklah boleh dipertimbangkan sehingga syarat tambahan ini dipersetujui oleh penyebutharga yang berjaya.

## **12.0 PENYEDIAAN TAPAK (JIKA BERKAITAN)**

- 12.1 Semua penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki untuk mendapatkan pandangan daripada IKMa berkenaan penyediaan tapak dan keperluan-keperluan yang berkaitan sebelum pemasangan secara fizikal. Tapak ini mestilah mempunyai ruang kerja yang sesuai; dan boleh mendapat kemudahan/keperluan peralatan/perisian komputer dalam jarak perkakasan itu bagi kakitangan IKMa; bekalan tenaga elektrik, pengurusan dan simpanan peralatan, alat-alat, barang simpanan, bekalan dan aksesori.
- 12.2 Penyebutharga yang berjaya mesti bersama-sama IKMa dalam memeriksa penyusunan tapak yang sudah disempurnakan dan jika tidak dipersetujui, mestilah memberi notis bertulis bagi sebarang pertukaran yang dikehendaki.

## **13.0 PERALATAN SAMPINGAN**

- 13.1 Penyebutharga mungkin mencadangkan aksesori tambahan yang boleh digunakan dalam perkakasan yang ditawarkan atau bagi menyempurnakan konfigurasi bagi sistem yang dicadangkan. Item ini mesti dinilai dengan harga yang berasingan. Bagaimanapun, IKMa berhak untuk mencadangkan samaada aksesori tambahan ini perlu dibeli dan melihat pula kepada keperluan yang berkaitan.

## **14.0 TEMPOH PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PERALATAN**

- 14.1 Pembekal adalah dikehendaki menyempurnakan pembekalan, pemasangan dan pengujian semua peralatan berkaitan dalam tempoh maksimum 1 minggu daripada tarikh surat setuju terima ditandatangani.

## **15.0 JADUAL PELAKSANAAN**

- 15.1 Penyebutharga dikehendaki menyediakan satu Jadual Pelaksanaan Pembekalan peralatan yang terperinci dan lengkap bagi tujuan penghantaran, pemasangan, pengujian dan pengtauliahkan bagi peralatan yang dicadangkan kepada IKMa.

## **16.0 TEMPOH JAMINAN**

- 16.1 Perkakasan yang ditawarkan hendaklah dilitupi dengan tempoh jaminan tidak kurang daripada satu (1) tahun **daripada tarikh penerimaan akhir**.
- 16.2 Dalam tempoh jaminan ini semua khidmat baikpulih, penyelenggaraan, penggantian peralatan yang rosak dan kos buruh hendaklah diberi secara **onsite** dan percuma. Penyebutharga yang menawarkan tempoh jaminan yang lebih lama dan syarat-syarat yang lebih baik akan diberi keutamaan.

## **17.0 KHIDMAT SOKONGAN DAN PENYELENGGARAAN**

- 17.1 Jika diperlukan, pembekal yang berjaya boleh dikehendaki menyedia dan memberikan khidmat penyelenggaraan dan sokongan selepas tamat tempoh jaminan dengan pihak IKMa, berasaskan suatu perjanjian penyelenggaraan yang akan ditentukan kemudian.

## **18.0 PENERIMAAN SEMENTARA (JIKA BERKAITAN)**

- 18.1 Pengujian penerimaan sementara dijalankan ke atas peralatan yang dibekalkan untuk tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh siap pemasangan. IKMa akan memaklumkan secara bertulis tarikh penerimaan sementara sekiranya peralatan tersebut berfungsi dengan sepenuhnya dan sistem *down time* tidak melebihi 5 %. Sistem *down time* bermaksud tempoh apabila peralatan tidak dapat berfungsi kerana sistem *breakdown*.
- 18.2 IKMa mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian bagi penerimaan sementara sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan/kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau kecacatan pada peralatan.

## **19.0 PENERIMAAN AKHIR (JIKA BERKAITAN)**

- 19.1 Pengujian penerimaan akhir akan dijalankan untuk tempoh enam puluh (30) hari dari tarikh *penerimaan sementara*. Dalam tempoh tersebut, penyebutharga bertanggungjawab membetulkan sebarang kelemahan yang dikesan. IKMa akan memaklumkan secara bertulis tarikh *penerimaan akhir* sekiranya dalam tempoh berkenaan peralatan tersebut berfungsi dengan sepenuhnya dengan sistem *downtime* tidak melebihi 1 %.
- 19.2 Sekiranya peralatan tersebut gagal memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki walaupun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan oleh penyebutharga

dalam tempoh yang telah dinyatakan, IKMa berhak mendapatkan gantian. Sekiranya peralatan tersebut perlu diganti dengan yang lain, pihak penyebutharga hendaklah menanggung segala kos yang terlibat.

- 19.3 IKMa mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan atau kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau kecacatan pada peralatan.

## **20.0 JADUAL BAYARAN (JIKA BERKAITAN)**

- 20.1 Pembekal yang berjaya akan ditawarkan harga kontrak mengikut peratusan berdasarkan kepada jadual seperti dibawah :-
- i. Selepas penghantaran, pemasangan : 70% daripada harga dan konfigurasi kontrak
  - ii. Selepas penerimaan akhir : 30% daripada harga kontrak
- 20.2 Pembayaran untuk setiap fasa tidak akan dikeluarkan sehingga fasa sebelumnya disempurnakan dan diluluskan oleh IKMa.

## **21.0 PENENTUAN TEKNIKAL**

- 21.1 Penentuan teknikal yang perlu dibekalkan hendaklah memenuhi Spesifikasi Minimum Teknikal.
- 21.2 Penyebutharga adalah dikehendaki menyatakan keterangan terperinci spesifikasi teknikal yang dicadangkan dan maklumbalas yang perlu dikepulkan bersama dokumen sebutharga.

- 21.3 Penyebutharga tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan jenama bagi mana-mana item yang dimasuki bagi sebutharga ini. Jika terdapat tawaran pilihan, IKMa akan memilih tawaran pertama sahaja.
- 21.4 Pihak IKMa tidak akan melayan sebarang tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat perbezaan antara tafsiran penyebutharga dengan tafsiran IKMa mengenai penentuan tersebut.

## **22.0 TEMPOH KONTRAK (JIKA BERKAITAN)**

IKMa berhak menentukan tarikh permulaan kontrak dan tarikh tamat kontrak.

## **23.0 TARIKH TUTUP**

Tarikh tutup sebutharga adalah jam 12.00 tengahari. Pada **8 APRIL 2024 (ISNIN)**. Sebutharga hendaklah dikemukakan kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

**(6)**

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**  
**(LAMPIRAN A)**

## LAMPIRAN A



### SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL	SPESIFIKASI (Min)	KUANTITI	CADANGAN PENYEBUTHARGA
1	<b>SPSS 28.0 Base Modul Only 35 Network Licence</b> - 35 User concurrent licenses - IBM SPSS Statistics Base - License validity - 01 Jun 2024 - 31 May 2025 - Free Upgrade to IBM SPSS Statistics 29.0.2	35	

**(6)**

**SPESIFIKASI HARGA**  
**(LAMPIRAN B)**

**SPESIFIKASI HARGA**

BIL	SPESIFIKASI (Min)	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA KESELURUHAN (RM)
1	<b>SPSS 28.0 Base Modul Only</b> <b>35 Network Licence</b> - 35 User concurrent licenses - <b>IBM SPSS Statistics Base</b> - License validity - 01 Jun 2024 - 31 May 2025 - Free Upgrade to IBM SPSS Statistics 29.0.2	35		
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>				
<b>Caj Cukai Perkhidmatan &amp; Jualan SST 8% (RM) – Jika Ada</b>				
<b>Jumlah Keseluruhan Termasuk Caj SST 8% (RM)</b>				